

**SULIT**

---



UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua  
Sidang Akademik 2017/2018

Mei/Jun 2018

### **HKP214 – Penulisan Kreatif Dan Penyuntingan 1**

Masa : 3 jam

---

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi LIMA (5) muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Kertas peperiksaan ini mengandungi LAPAN (8) soalan. Jawab **EMPAT (4)** soalan sahaja.

Soalan 1 daripada Bahagian A dan Soalan 8 daripada Bahagian D WAJIB dijawab.

Jawab Soalan 8 di atas kertas soalan yang diberi.

Berikutnya pilih SATU (1) soalan lagi daripada Bahagian B dan SATU (1) soalan lagi daripada Bahagian C.

Jawab Bahagian A dan B di dalam buku jawapan yang berasingan dengan Bahagian C dan Bahagian D.

...2/-

**SULIT**

- 2 -

**Bahagian A – Teori Penulisan Kreatif**

1. "Dalam hidup saya, saya telah mencuba dua atau tiga kali untuk menggubah sajak dengan dorongan kehendak daripada dengan dorongan perasaan, tetapi saya belum pernah berhasil mencapai tujuan yang dimaksudkan dengan jalan yang sedemikian" (A.E. Housman, 1983).


Merujuk kepada kutipan di atas, bincangkan apakah perbezaan antara "dorongan kehendak" dengan "dorongan perasaan" dalam penghasilan karya kreatif? Apakah hal-hal lain yang juga boleh menjadi penyebab pengarang berkarya?

[100 markah]

**Bahagian B – Penulisan Sajak Dan Cerpen**

2. Menurut H.B. Jassin dalam bukunya *Tifa Penyair dan Daerahnya* (1983), sajak adalah suara hati penyair terhadap sesuatu yang menyentuh pancaindernya. Merujuk kepada pernyataan tersebut, tulis sebuah sajak sepanjang 30 baris untuk menggambarkan suara hati anda tentang gambar pemandangan di bawah.

[100 markah]



Sumber: <https://tekoneko.net/contoh-sketsa-gambar-pemandangan/>

...3/-

- 3 -

3. Tulis sebuah sajak sepanjang 30 baris ATAU tulis sebuah cerpen sepanjang TIGA halaman dengan memuatkan petikan pantun lama di bawah:

Burung kenek-kenek,  
terbang cucur atap;  
pesan datuk nenek,  
hati mahu tetap.

(Sumber: *Kurik Kundi Merah Saga* [1990])

[100 markah]

4. Bina skema rajah pola Z dalam penulisan cerpen. Kemudian, karang sebuah cerpen sepanjang TIGA halaman dengan menggunakan pengakhiran cerita sebagai permulaan cerpen tersebut (pola Z) dan cerpen itu juga perlu berakhir pada pola Z.

[100 markah]

### **Bahagian C – Penulisan Skrip Drama Pentas**

5. Apakah yang dimaksudkan dengan monodrama? Dengan merujuk kepada ciri-ciri monodrama OTG (2015) karya Hatta Azad Khan, terangkan bagaimana pengarang menggarapkan ideanya melalui watak-watak yang dihadirkan di dalam skrip drama pentas tersebut.

[100 markah]

6. Dengan daya kreativiti anda, hasilkan sebuah naskhah drama pentas dalam genre komedi yang bertemakan isu-isu kontemporari. Naskhah drama ini perlulah ditulis tidak kurang daripada TIGA halaman.

[100 markah]

7. Penulisan naskhah drama pentas untuk tontonan kanak-kanak perlu berbeza daripada penulisan untuk penonton dewasa. Dengan merujuk kepada skrip drama pentas *Manis Bertudung Merah* (2012) karya kolaborasi Datin Marlia Musa dengan Pelajar Tahun 2 Pengajian Diploma Fakulti Teater ASWARA 2011, bincangkan pernyataan ini.

[100 markah]

...4/-

**SULIT**

**Bahagian D – Penyuntingan**

8. Baca petikan di bawah dengan teliti dan lakukan penyuntingan substantif terhadap petikan tersebut.

Sejak meminjam tanahnya kepada Kulup Budin, Mat Derus tak pernah lagi berpeluang bagi mengaku sebagai pemilik tanah atau rumahnya itu.

Tanah itu ialah saguhati dari kerajaan di atas khidmat Mat Derus di dalam masa darurat tahun 1948-1960. Sesiapa yang berkhidmat sebagai polis khas atau special constable (SC) selama 11 tahun di atas dihadiahkan sebidang tanah tapak rumah sebesar suku ekar dengan rumah siap sebuah.

Kulup Budin termasuk salah seorang daripada bekas SC yang terlibat dan mereka ditempatkan dalam sebuah kampung kecil yang mengandung 40 keluarga.

Pada peringkat awal pembukaan kampung bekas-bekas SC ini hidup dengan aman. Malah selang 10 tahun bila anak-anak mereka sudah besar keadaan masyarakat kampung itu turut mengalami perubahan.

Karenah anak-anak mereka tidak hanya selesai di dalam lingkungan anak-anak tetapi melarat pada ibu bapa.

Anak Kulup budin, Sepiah, berumur 16 tahun membuat hubungan dengan anak Mat Seri, Dahaman yang sebaya dengan Sepiah, yang juga jiran sebelah rumah.

Kisah itu berlaku di sekitar awal tahun 70-an. Zaman itu ibu bapa masih lagi kuat memegang teguh nilai masyarakat Melayu dan menjaga kehormatan keluarga.

Hubungan Sepiah dan Dahaman mendapat tentangan dari orang tua mereka. Kerana ibu masing-masing tak menyalahkan anak sendiri sebaliknya sering memarahi anak orang lain.

Akibat dari ini sering terjadi pergaduhan antara isteri mereka. Isteri Mat Seri mengatakan isteri Kulup Budin tetapi isteri Kulup Budin mengatakan isteri Mat Seri.

Kulup Budin tak tertahan lagi tinggal berdekatan dengan keluarga Mat Seri kerana pergaduhan mudah sangat terletus sehingga hanya menyebabkan ayam jiran naik di rumah.

- 5 -

Akhirnya Kulup Budin mendapat jalan pindah bila Mat Derus yang rumahnya selang sepuluh rumah berpindah di tempat lain namun meneroka tanah baru berhampiran dengan bandar.

Mat Derus juga bermurah hati meminjamkan tanah dan rumahnya kepada Kulup Budin dengan percuma.

Sejak daripada itu Kulup Budin tidak juga menghadapi masalah kepada keluarga Mat Seri kerana jiran barunya tidak suka bergaduh. Mat Derus pula hanya balik sekali sekala untuk mengambil buah-buahan yang di tanamnya.

Keadaan berterusan beberapa tahun. Kulup Budin tidak menampakan hajatnya untuk berpindah dan mat derus pula semakin segan datang di rumahnya sendiri walau untuk mengambil buah kelapa. Kulup Budin benar jadikan rumah Mat Derus bagi rumah sendiri seperti yang di suruh oleh Mat Derus mula dahulu.

Zaman terus berlalu dan kedua orang tua ini meninggal dunia. Sekarang tinggal anak-anak mereka sahaja.

Tetapi anak-anak Mat Derus bertambah segan untuk ke rumah ayah mereka yang di dudukki oleh anak-anak Kulup Budin. Ini kerana anak-anak Kulup Budin semakin lagak sebagai tuan punya sebenar tanah dan rumah tersebut.

Dipetik daripada cerpen "Pinjam Tanah" dari kumpulan cerpen *Sebungkus Kuaci Cap Helang* karya Dr. Mat Saleeh.

[100 markah]

- oooOooo -